

**POLITIK MELAYU PAHANG  
DARI TAHUN 1955 HINGGA 1984**

**SHANSUDDIN BIN AHMAD**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2016**

**POLITIK MELAYU PAHANG  
DARI TAHUN 1955 HINGGA 1984**

**Oleh**

**SHANSUDDIN BIN AHMAD**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi kepeluan bagi  
Ijazah Sarjana**

**Disember 2016**

## **PENGAKUAN**

Saya akui bahawa tesis ini adalah hasil kerja sendiri kecuali ringkasan dan nukilan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**SHANSUDDIN BIN AHMAD**

(S-OM 008/08)

Disember 2016

## **PENGHARGAAN**

Syukur yang tidak terhingga dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan kurniaNya penyelidik diberi kekuatan dan kesungguhan untuk menyelesaikan tesis sarjana sejarah ini. Dalam kesempatan ini penyelidik ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga khas kepada Dr. Azmah binti Abd Manaf, selaku penyelia utama tesis sarjana sejarah ini yang telah banyak meluangkan masa, memberi tunjuk ajar serta bimbingan sepanjang proses menyiapkan tesis sejarah ini. Malah pandangan yang membina sering diberikan pada setiap kali pertemuan. Penghargaan juga ditujukan kepada seluruh warga Pusat Pengajian Jarak Jauh USM yang banyak membantu penyelidik sepanjang di USM. Begitu juga kepada seluruh warga IPS dan USM terima kasih diucapkan. Pada kesempatan ini juga penyelidik ingin memberi penghargaan kepada semua pihak yang turut terlibat memberi bantuan dan pandangan bagi menyiapkan tesis sarjana yang berjudul **“Politik Melayu Pahang Dari Tahun 1955 hingga 1984”**. Sekalung penghargaan diucapkan kepada isteri tersayang, Roziah binti Mohamed Salleh dan anak-anak, Muhammad Luqman Hakim, Muhamad Danish Akmal, Muhammad Lutfi Hamdani, Muhammad Darwish Athari dan putei bongsu Nur Aisyah Shazia yang menjadi inspirasi kepada penyelidik dalam menyiapkan tesis ini. Semoga kejayaan ini akan menjadi dorongan buat kalian. Semoga semangat mencari ilmu akan terus tertanam di jiwa anak-anakku. Keprihatinan pihak majikan yang memberi peluang kepada penyelidik untuk menjalankan keja-kerja penyelidikan dan mencari bahan sangat dihargai. Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Terengganu, Persatuan Sejarah Negeri Pahang, Muzium Negeri Pahang, serta agensi-agensi lain banyak memberi input

kepada penyelidik dalam proses menyiapkan tesis ini. Akhir kata, semoga tesis sejarah ini dapat dimanfaatkan buat semua pembaca serta mendapat keberkatan Ilahi.

## **ISI KANDUNGAN**

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
SENARAI FOTO	x
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv

## **BAB SATU – PENGENALAN**

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	20
1.3 Objektif Kajian	21
1.4 Skop Kajian	22
1.5 Kepentingan Kajian	24
1.6 Kaedah Penyelidikan dan Sumber	
1.6.1 Arkib	25
1.6.2 Kajian Perpustakaan	26
1.6.3 Kajian Lapangan	27
1.6.4 Temubual Lisan	27
1.7 Tinjauan Literatur	28
1.8 Organisasi Kajian	37
1.9 Kesimpulan	38

## **BAB DUA- KEMUNCULAN KESEDARAN POLITIK DI PAHANG**

### **SEHINGGA TAMAT PERANG DUNIA KEDUA**

2.1	Pengenalan	40
2.2	Kemunculan Gerakan Kesedaran dalam Kalangan Golongan Berpendidikan di Pahang	41
2.3	Gerakan Islah	42
2.4	Kesatuan Melayu Singapura (KMS)	47
2.5	Persatuan Melayu Pahang (PMP)	48
2.6	Kesatun Melayu Muda (KMM)	56
2.7	Pembela Tanah Air (PETA)	59
2.8	Gerakan Gerila Force 136 dan Pasukan Wataniah Pahang	61
2.9	Parti Komunis Malaya (PKM)	65
2.10	Kesimpulan	68

## **BAB TIGA - PERKEMBANGAN PARTI-PARTI POLITIK**

### **MELAYU DI NEGERI PAHANG**

3.1	Pengenalan	70
3.2	Perkembangan Parti Politik Di Tanah Melayu	71
3.3	Sejarah Pergerakan Politik Melayu di Pahang	75
3.4	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	77
3.5	Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS)	83
3.6	Sejarah Penubuhan UMNO (United Malaysia	86

	National Organisation)	
3.7	Sejarah Penubuhan PAS (Parti Islam Se-Malaya)	91
3.8	Pergerakan UMNO Pahang	95
3.9	Penubuhan PAS Pahang	100
3.10	Socialist Front Semalaya (Barisan Sosialis Rakyat Malaya)	104
3.11	Kesimpulan	111

**BAB EMPAT - PILIHAN RAYA DAN PERKEMBANGAN  
PERGERAKAN POLITIK MELAYU DI  
PAHANG SELEPAS MERDEKA**

4.1	Pengenalan	113
4.2	Tuntutan Pilihanraya Persekutuan 1955	115
4.3	Pilihanraya Persekutuan 1955 dan Pembentukan Ke Arah Negara Berkerajaan Sendiri	121
4.4	Kesan Pilihanraya Persekutuan 1955 terhadap Parti Politik Melayu di Pahang.	125
4.5	Perkembangan Politik Pahang Selepas Kemerdekaan Tanah Melayu 1957: Pilihanraya Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang dari Tahun 1959 sehingga 1982	130
4.5.1	Pilihanraya Umum 1959	132
4.5.2	Pilihanraya Umum 1964	134
4.5.3	Pilihanraya Umum 1969	135
4.5.4	Pilihanraya Umum 1974	137
4.5.5	Pilihanraya Umum 1978	140
4.5.6	Pilihanraya Umum 1982	141

4.6	Strategi dan Usaha: Perkembangan Parti-parti Politik Melayu Pahang Selepas Kemerdekaan	142
4.6.1	UMNO	142
4.6.2	PAS	150
4.6.3	Parti Barisan Sosialis (SF)	156
4.6.4	Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM)	160
4.7	Kesimpulan	163
<b>BAB LIMA - KESIMPULAN</b>		165
<b>BIBLIOGRAFI</b>		177

## **SENARAI JADUAL**

### **Muka Surat**

Jadual 3.1	Keahlian Parti Kebangsaan Melayu Malaya, 1947	81
Jadual 4.1	Bilangan Calon Yang Bertanding Dalam Pilihanraya Persekutuan.	121
Jadual 4.2	Kedudukan Rancangan Tanah Pinggir Sehingga Tahun 1973.	148

## **SENARAI LAMPIRAN**

### **Muka Surat**

Lampiran 1	Dokumen Pekeliling Sekretariat Persekutuan No. 46/1949 Pertubuhan Politik dan Kakitangan Kerajaan.	190
Lampiran 2	Keratan Ucapan Dato' Onn Jaafar dalam Persidangan Pemuda UMNO pada 25 Julai 1951 Dalam <i>Suara UMNO</i> yang diterbitkan pada 15 Ogos 1951.	191
Lampiran 3	No. 147 The Local Authorities Elections Ordinance, (1950), (F. of M. No. 52 of 1950) Pahang. 1534/54/16. Dalam G.A. Smith, Government Gazette: Government Of Pahang, Kuala Lumpur: The Government Press.	192

## **SENARAI FOTO**

### **Muka Surat**

Foto 1:	Pasukan Wataniah Pahang Pada 1945 bagi Menentang Penjajahan Jepun.	193
Foto 2:	Gerakan API, AWAS dan GERAM menentang Malayan Union.	193
Foto 3:	Gerakan AWAS yang dianggotai oleh golongan wanita bersama-sama mengangkat senjata bagi mempertahankan tanah air dari cengkaman pihak penjajah.	194
Foto 4:	Keadaan Pilihanraya Tanah Melayu pada 1955.	194
Foto 5:	Suasana Pilihanraya Pertama Pada Tahun 1955.	195
Foto 6:	Keadaan Ketika Suruhanjaya Pilihanraya Membuat Pengiraan Undi Pada Tahun 1955.	195
Foto 7:	Poster Pilihanraya Persekutuan 1955.	196
Foto 8:	Manifesto Parti Perikatan Pada Pilihanraya Umum 1959, "Keamanan, Keadilan dan Kemakmuran". (Sumber: Arkib Negara Malaysia (1999/459)).	196
Foto 9:	Lawatan Tun Abdul Razak ke LKTP Lembah Bilut, Pahang bagi merasmikan "Majlis Pecah Tanah" FELDA pada 5 Oktober 1959.	197
Foto 10:	Tun Abdul Razak melawat sekitar kawasan Lembah Bilut.	197
Foto 11:	Tun Abdul Razak salah sebuah ladang di Lembah Bilut 1959.	198
Foto 12:	Tun Abdul Razak salah sebuah ladang di Lembah Bilut 1959.	198

## **SENARAI SINGKATAN**

ADUN	-Ahli Dewan Undangan Negeri
AMCJA	-All-Malayan Council of Joint Action
API	-Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	-Angkatan Wanita Sedar
BN	-Barisan Nasional
Bt	-Binti
CID	-Crime Investigation Department
DUN	-Dewan Undangan Negeri
FELDA	-Federal Land Development Authority
Hj.	-Haji
IMP	-Independent Malaya Party/ Parti Kemerdekaan Malaya
ISA	-Akta Keselamatan Dalam Negeri
KDYMM	-Kebawah Duli Yang Maha Mulia
KMM	-Kesatuan Melayu Muda
KMS	-Kesatuan Melayu Singapura
KRIS	-Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
LKPP	-Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang
Lt.	-Lieutenant
MAGERAN	-Majlis Gerakan Negara
MCA	-Malayan Chinese Association
MCS	-Malayan Civil Service
MDU	-Malayan Democratic Union
MIC	-Malayan Indian Congress

MMKK	-Maktab Melayu Kuala Kangsar
MPAJA	-Malayan People Anti Japanese Army
MPSI	-Maktab Perguruan Sultan Idris
NNS	-Negeri-negeri Selat
PAS	-Parti Islam Se-Tanah Melayu
PBM	-Parti Buruh Malaya
PEKEMBAR	-Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PKMM	-Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKM	-Parti Komunis Malaya
PMMK	-Persekutuan Persetiaan Melayu
PMP	-Persatuan Melayu Pahang
PMU	-Peninsular Union Malaya Kelantan
PPK	-Parti Perhimpunan Kebangsaan
PRM	-Parti Rakyat Malaya
PRU	-Pilihanraya Umum
PSRM	-Parti Sosialis Rakyat Malaysia
PUTERA	-Pusat Tenaga Rakyat
SEAC	-British South East Asia Command
SITC	-Sultan Idris Training College
SF	-Parti Barisan Sosialis
S.O	-Survey Officer
SOE's	-British Special Operations Executive
UMNO	-United Malays National Organization/ United Malayan National Organization

## **POLITIK MELAYU PAHANG DARI TAHUN 1955 HINGGA 1984**

### **ABSTRAK**

Tesis ini mengkaji tentang sejarah politik kaum Melayu di negeri Pahang yang mana kajian memberi tumpuan perkembangan politik dari tahun 1955 hingga 1984. Kajian ini memberi fokus kepada kemajuan politik Melayu Pahang yang merangkumi fasa perkembangan iaitu bermula dari sebelum merdeka sehingga selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Kajian mendapati bahawa keterbukaan minda orang Melayu yang menerima pendidikan dari dalam dan luar negeri telah mewujudkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan mereka. Seterusnya membawa kepada pembentukan pelbagai pertubuhan dan parti politik bagi memperjuangkan kebijakan penduduk Melayu di Pahang. Transformasi politik Melayu Pahang dapat dilihat melalui pelbagai peristiwa penting dari sebelum kedatangan pihak penjajah seperti British dan Jepun sehingga anak-anak Melayu sendiri berjaya mengambil alih tumpuk pemerintahan di tanah tumpah darah mereka. Penubuhan parti-parti politik Melayu di Pahang memperlihatkan bahawa atas pembentukan adalah berlandaskan kepercayaan rakyat serta kestabilan negeri. Hasil kajian menunjukkan hubungan saling kebergantungan antara pemimpin parti politik dengan rakyat amat mempengaruhi pengukuhan kuasa sesebuah parti politik di Pahang. Tesis ini juga akan membincangkan sumbangan parti-parti dan tokoh-tokoh politik Melayu Pahang yang telah menjadi tulang belakang kepada pembangunan politik Melayu Pahang sekaligus memberi kesan kepada perkembangan politik negara. Ia juga memberi peluang pembaca untuk menyusuri sistem demokrasi berparlimen melalui proses pilihanraya pada peringkat awal sehingga tahun 1982 yang mana kesannya telah membawa kepada pembentukan kerajaan pada hari ini.

# **MALAY POLITICAL THE STATE OF PAHANG FROM 1955 TO 1984**

## **ABSTRACT**

This thesis examines the political history of the Pahang Malays which focused on political developments from the year 1955 to 1984. It focuses on the Pahang Malay's political evolution phases beginning from pre-independence to post-independence of Malaya. This study found that open-minded Malays who received education locally and abroad have sparked nationalism awareness among them. This has led to the formation of various organizations and political parties that fight for the welfare of the Malays in Pahang. The transformation of Pahang Malay's political movement can be seen through various series of events since before the British and Japanese take over Malaya until the Malays themselves managed to take over the political system in their homeland and hold the reins of it. The establishment of Malay political parties in Pahang is based on the belief of the people and the stability of the state. The finding shows that the interdependence between political leaders and the people has influenced reinforcement of the powers of a particular political party in Pahang. This thesis discusses the contribution of Pahang Malay's parties and its political figures who were the backbones of Pahang Malay political development thus, have an impact on the country political development. This study also provides an opportunity for readers to explore the parliamentary democracy system through election process from the early stage until the 1982 election which has led to the formation of today's government.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Era politik Melayu di Pahang sebenarnya telah bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi iaitu zaman pemerintahan yang melaksanakan sistem politik tradisional. Corak politik yang dijalankan di Pahang sememangnya menyerupai sistem pentadbiran Melaka. Hal ini adalah kerana Raja Muhammad, Sultan Pahang merupakan keturunan daripada Kesultanan Melayu Melaka.<sup>1</sup> Hubungan Melayu Pahang dengan negeri luar terutamanya Melaka telah bermulanya susulan daripada perlantikan Raja Muhammad sebagai raja oleh Sultan Mansor Syah. Perlantikan Raja Muhammad sebagai Sultan Pahang yang pertama menyebabkan Sultan Mansor Syah turut melantik seorang Bendahara, seorang Penghulu Bendahari, seorang Temenggung serta pembesar-pembesar lain bagi membantu Raja Muhammad memerintah. Pemerintahan beraja di Pahang dimulakan dengan keturunan dari Kerajaan Melaka yang dihukum. Kisah ini berlaku apabila putera Sultan Mansur Shah iaitu Raja Muhammad menikam mati Tun Besar anak kepada Tun Perak. Peristiwa berlaku apabila Raja Muhamad yang melalui kawasan permainan sepak raga Tun Besar, tiba-tiba sepak raga yang dimainkan oleh Tun Besar terkena destar Raja Muhammad menyebabkan baginda marah lalu menikamnya.

---

<sup>1</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Selangor, 1987, hlm. 4.

Sebagai hukuman Sultan Mansur Shah memerintahkan Raja Muhammad dihantar ke Pahang dan dilantik sebagai Sultan Pahang.<sup>2</sup>

Pada zaman sebelum kedatangan British, masyarakat di Pahang didominasi oleh orang-orang Melayu dan masyarakat orang asli yang dikenali sebagai Semai dan Jakun.<sup>3</sup> Masyarakat Melayu Pahang pada ketika itu terbahagi kepada tiga kelompok utama iaitu golongan bangsawan, rakyat bebas dan golongan hamba.<sup>4</sup> Umumnya, politik di negeri-negeri Melayu memiliki sistem perundangannya tersendiri yang mana berasaskan kepada adat Melayu dan undang-undang Islam. Antara bukti sejarah yang berkaitan dengan sistem pentadbiran atau politik kerajaan Pahang pada ketika itu adalah dengan terbentuknya dan penggubalan ‘Hukum Kanun Pahang’.<sup>5</sup> ‘Hukum Kanun Pahang’<sup>6</sup> merakamkan fungsi masyarakat, adat resam dan undang-undang negeri yang bertapak dan diikuti di negeri Pahang pada zaman tersebut.

Mukaddimmah Hukum Kanun Pahang menyatakan bahawa sistem kerajaan Kesultanan Melayu Pahang adalah untuk:

---

<sup>2</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*, hlm. 5.

<sup>3</sup> Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*, hlm. 10.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm 11.

<sup>5</sup> Mardiana Nordin, *Adat Budaya Melayu (Pahang) Berdasarkan Naskhah-naskhah Melayu*, Seminar Sejarah Sosial Negeri Pahang pada 17-18 Julai 2007, Persatuan Sejarah Cawangan Pahang, 2007, hlm. 2.

<sup>6</sup> *Hukum Kanun Pahang* dikatakan digubal semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghapur Muhaiyuddin Syah yang memerintah Pahang Antara tahun 1592-1614. *Hukum Kanun Pahang* lebih memberatkan pengaruh hukum Islam di dalam fasal-fasalnya. Secara keseluruhan, aspek perundungan yang disentuh adalah sama dengan *Hukum Kanun Melaka*, namun hukum dan denda yang dimuatkan lebih kepada hukum Islam. Naskhah undang-undang ini mempunyai 92 fasal berbeza dengan *Hukum Kanun Melaka* yang hanya mempunyai 44 fasal. Adalah jelas *Hukum Kanun Pahang* adalah suatu dokumen yang dibawa dari Melaka. Ianya diaplifikasi, ditambah baik dan diubahsuai mengikut keperluan negeri Pahang pada abad-abad berikutnya. Antara aspek yang paling ketara adalah perbezaan dari aspek adat dan larangan berbanding daripada *Hukum Kanun Melaka*.

“menjaga manfaat terhadap negeri agar sultan-sultan boleh memelihara segala rakyat yang bersamaan, sultan-sultan mengadakan pembesar untuk menggantikan baginda dan tidak menyulitkan baginda”.<sup>7</sup>

Hal ini bermakna, Sultan ialah puncak kuasa yang dibantu oleh bendahara, temenggung, penghulu bendahari dan syahbandar. Hukum Kanun Pahang juga memperincikan perbuatan yang diharamkan dalam sistem kerajaan, termasuklah sikap tidak menghormati kedudukan Sultan yang perlu dihormati. Dalam ‘Hikayat Pahang’ menggambarkan bahawa sifat taat setia kepada pemerintah menjadikan ia sebagai satu amalan murni masyarakat Pahang pada ketika itu. Kesetiaan pembesar-pembesar kerajaan kepada Sultan dikatakan “ingin berbuat bakti kepada raja, dengan redha, sekalipun bercerai jiwa di badan”.<sup>8</sup>

Pergolakan politik Pahang dilihat bermula, berikutan tuntutan Tun Ahmad terhadap jawatan Bendahara yang disandang oleh Tun Mutahir pada selepas kemangkatan Tun Ali telah membawa kepada Perang Bendahara Pahang sehingga membawa kepada keruntuhan institusi pemerintahan beraja. Punca pergaduhan yang membawa peperangan adalah disebabkan oleh surat wasiat yang dirangka oleh Bendahara Tun Ali sebelum kemangkatannya yang menegaskan bahawa puteranya, Tun Ahmad akan diberi kuasa mengawal Kuantan dan Sungai Endau. Namun begitu Tun Mutahir yang manaiki takhta pada tahun 1857 tidak mengendahkan amanah tersebut

---

<sup>7</sup> Abd Jalil Borham, *Jejak Warisan Pahang Pencetus Tamadun Pembangunan Modal Insan Holistik*, Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana Mengingati Sejarah Ke Arah Kecemerlangan Masa Depan, Univesiti Malaysia Pahang pada 24 September 2010, hlm. 6. Juga dalam J.E. Kempe dan R.O. Winstead , ‘A Malay Digest Compiled for Abd Al-Ghapur Muhaiyuddin Syah, Sultan of Pahang 1592-1614 A.D.’, with Undated Edition. *JMBRAS* 21 (1), 1948, hlm. 23-62.

<sup>8</sup> Mardiana Nordin, *Adat Budaya Melayu (Pahang) Berdasarkan Naskhah-naskhah Melayu*, hlm. 15.

menyebabkan Tun Ahmad bertindak mendapatkan haknya lebih-lebih lagi beliau mendakwa dirinya adalah putera yang sah manakala Tun Mutahir adalah anak gundik baginda.<sup>9</sup> Perang Bersaudara ini akhirnya telah memberi kemenangan kepada Tun Ahmad dan seluruh Pahang ditadbir oleh Tun Ahmad pada 10 Jun 1863.<sup>10</sup>

Selepas kedatangan British ke Pahang, Sultan Ahmad (Tun Ahmad) yang memerintah Pahang pada ketika itu hanya meminta pertolongan dan bantuan kepada pihak British pada perkara yang bukan dan tidak berkaitan pentadbiran dan pemerintahan Pahang kerana baginda tidak mahu British campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri baginda. Walaupun pada dasarnya, baginda mengetahui bahawa mengurus hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran amatlah rumit kerana keadaan negeri Pahang adalah dari segi geografinya yang luas berbanding dengan negeri-negeri lain semestinya memberi kesan terhadap kebijakan rakyat pada ketika itu.<sup>11</sup>

Walau bagaimanapun, kedatangan pihak British ke Tanah Melayu sedikit sebanyak berjaya menggugat keadaan pentadbiran dan pemerintahan di Pahang apabila Andrew Clarke, Gabenor Negeri-negeri Selat menawarkan diri untuk menjadi penasihat dan pembantu dalam mentadbir negeri Pahang pada tahun 1870-an. Pegawai-pegawai British tertarik untuk meluaskan pengaruhnya di Pahang disebabkan oleh wilayahnya yang berada di garisan lintang Asia dan mempunyai jumlah penduduk yang kecil. Disebabkan wilayah Pahang yang masih kurang diketahui umum menyebabkan pihak

---

<sup>9</sup> Aruna Gopinath, *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 35.

<sup>10</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm. 12.

British berpendapat Pahang mempunyai hasil sumber bumi yang masih belum diterokai.<sup>12</sup>

Hal ini secara tidak langsung telah menggalakkan pihak British untuk menguasai pemerintahan di negeri tersebut. Namun begitu, usaha pihak British gagal sama sekali apabila Bendahara Wan Ahmad (Sultan Ahmad) yang dikatakan mempunyai sikap tidak menggalakkan orang Eropah untuk menjelajah negeri baginda. Baginda telah menolak tawaran tersebut sebanyak dua kali selepas William Jervois, pengganti Clarke juga membuat tawaran yang sama kali keduanya pada Julai 1875.<sup>13</sup> Penolakan tawaran oleh Sultan Ahmad menyebabkan minat mereka untuk menguasai Pahang berhenti seketika. Namun, usaha bagi menguasai negeri Pahang giat diteruskan agar baginda sultan menukar fikirannya dalam menerima pegawai British di Pahang pada masa akan datang.

Bermula 1884 keadaan politik Pahang mula mengalami konflik dan perubahan apabila adinda Sultan Ahmad, Engku Muda Wan Mansur cuba merancang untuk mengadakan serangan menjatuhkan pemerintahan Sultan Ahmad pada ketika itu.<sup>14</sup> Tindakan kekandanya, Sultan Ahmad, yang dianggap mengecilkan kuasa dan pengaruh beliau sebagai salah seorang kerabat diraja Pahang apabila pemberian jawatan sebagai Raja Muda ditarik dan kadar elau yang ditetapkan tersebut telah menimbulkan rasa tidak puas hati beliau kepada Sultan Ahmad.<sup>15</sup> Hal ini telah menyebabkan beliau telah bertindak menulis surat kepada W.H.M Read iaitu seorang pegawai British yang

---

<sup>12</sup> Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*, hlm. 2.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*, hlm. 14.

<sup>15</sup> Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*, hlm. 7.

berpengaruh di Singapura.<sup>16</sup> W.H.M Read telah meminta bantuan daripada Pemangku Gabenor British di Singapura, Cecil Smith bagi menyelesaikan perbalahan antara Engku Muda Mansur dan Sultan Ahmad tersebut. Perbalahan dan permusuhan antara Sultan Ahmad dan Engku Muda Wan Mansur ini telah sampai ke pengetahuan pihak British yang secara langsung telah memberi peluang kepada mereka untuk melakukan rancangan campur tangan di Pahang.

Pihak British yang dalam usaha untuk menguasai negeri Pahang, berjaya mendesak Sultan Ahmad untuk bersetuju memberikan Wan Mansur jawatan Raja Muda dan elaun sebanyak \$200 sebulan.<sup>17</sup> Usaha yang dilakukan oleh British dalam memulihkan hubungan dengan adinda baginda membuatkan Sultan Ahmad amat berbesar hati di atas bantuan yang diberikan British tersebut.<sup>18</sup> Namun, ironinya Sultan Ahmad masih enggan menerima penasihat British untuk membantu baginda memerintah negeri Pahang pada ketika itu.

Oleh hal demikian, British telah menghantar Frank Swettenham iaitu Pemangku Residen di negeri Perak untuk cuba memujuk Sultan Ahmad bagi menerima pegawai British selepas mendapat laporan bahawa golongan petani serta pedagang Cina yang tinggal di Pekan telah memonopoli dan menaikkan harga barang sesuka hati kepada masyarakat tempatan<sup>19</sup> yang menyebabkan keadaan masyarakat tempatan terutamanya orang Melayu menjadi miskin. Sekali lagi, matlamat British untuk mendapatkan perjanjian dengan Pahang tidak berjaya. Bagi Sultan Ahmad, baginda tidak mahu kuasa

---

<sup>16</sup> Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*, hlm. 7.

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 14.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 7.

baginda dibahagi dua dengan pihak British. Oleh sebab itu, baginda seringkali memberi alasan untuk berbincang dengan para pembesar baginda terlebih dahulu kepada pihak British.<sup>20</sup>

Selain itu, hubungan perdagangan yang dijalankan oleh Sultan Ahmad dengan pedagang-pedagang asing seperti Portugis, Arab dan China telah menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan pegawai British sendiri.<sup>21</sup> Hasil bumi Pahang yang kaya dengan bijih timah dan emas telah menyebabkan para pedagang membuat pelaburan yang besar bagi membuka lombong-lombong di negeri Pahang. Mereka juga telah diberi kebenaran oleh Sultan Ahmad untuk memajak mana-mana tanah lombong di negeri Pahang. Hal ini demikian, telah memberi perkembangan dan peningkatan dalam kegiatan ekonomi di negeri Pahang. Antara usaha British untuk campur tangan adalah melalui Frederick Weld selaku Gabenor British yang memberi alasan kepada Sultan Ahmad untuk melawat negeri Pahang. Namun, permintaan beliau tersebut telah ditolak oleh baginda yang mana enggan untuk bertemu dengan Weld.<sup>22</sup>

Kegagalan demi kegagalan yang diterima oleh pihak British dalam mendapatkan kepercayaan Sultan Ahmad bagi menerima penasihat British akhirnya membawa hasil, apabila Sultan Johor iaitu Sultan Abu Bakar berjaya menasihatkan Sultan Ahmad supaya bersetuju mengadakan perjanjian dengan pihak British.<sup>23</sup> Keakraban hubungan dan pengaruh Sultan Johor berjaya mengubah fikiran Sultan Ahmad untuk bersetuju menggunakan khidmat British dalam pemerintahan Pahang. Oleh itu pada tahun 1887,

---

<sup>20</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*, hlm. 14 dan 15.

<sup>21</sup> Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*, hlm. 6.

<sup>22</sup> *Ibid.*, hlm. 6 dan 7.

<sup>23</sup> Suzana Haji Othman, *Sejarah Pergolakan dan Pergelutan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2014, hlm. 239.

Hugh Clifford telah dilantik sebagai wakil British di Pahang. Namun demikian, Hugh Clifford tidak diberikan banyak kuasa dalam hal-hal pentadbiran Pahang, sekadar penasihat Sultan sahaja. Dalam kata lain, pihak British tidak boleh mengambil bahagian dalam sebarang urusan yang berkaitan dengan pengaduan rakyat dan hal pajakan tanah. Sebarang keputusan adalah berada atas kuasa Sultan Ahmad yang juga berhak melantik dan memecat mana-mana pegawai British.<sup>24</sup>

Syarat Sultan Ahmad agar British tidak mencampuri urusan pentadbiran baginda telah memberi peluang kepada Clifford untuk menjelajah dan menulis laporan mengenai keadaan negeri dan masyarakat Pahang pada ketika itu.<sup>25</sup> Dalam buku Mohd Bin Samsudin yang memetik penulisan daripada J.D de Silva pada tahun 1884 dengan buku yang bertajuk “*British Relations with Pahang*”, menulis bahawa Sir Cecil Clementi Smith telah memberikan pendapat dan mencatatkan perkara yang sama apabila beliau menulis mengenai negeri Pahang iaitu:

---

<sup>24</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*, hlm. 16.

<sup>25</sup> Berdasarkan catatan Sir Frederick Weld yang dipetik daripada rekod Pejabat Kolonial CO 273/148 pada tahun 1886-1893, beliau telah memberi gambaran mengenai negeri Pahang dengan mengatakan: “*Pahang is an exceeding rich country, richer probably and larger than Perak; it marches with all our natives states and with good government is capable of great and immediate progress... Perak and Selangor were small a short while ago but have far more than compensated for the loss of our trade with Archeen, and Pahang is probably richer than Perak and Selangor and may one day compensate, or help materially to compensate, for the proportion of loss we may suffer from trade restrictions at Saigon. Pahang should, in my opinion, be penetraded by roads from Perak and Selangor at the Ulu, also via Jelebu and south by railway from Malacca which should eventually reach T (P)ekan...*”. Dalam Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*, hlm. 9 dan 10.

*“Pahang is indubitably the richest and most favoured state in the Peninsula and has only to be properly governed to ensure rapid development and future prosperity.”<sup>26</sup>*

Pada tahun 1888 merupakan titik tamatnya era pemerintahan sistem tradisional Pahang apabila British berjaya menempatkan J.P. Rodger sebagai residen British yang pertama di negeri tersebut dan secara rasminya beliau memegang jawatan tersebut pada 1 Julai 1889.<sup>27</sup>

Pengenalan kepada sistem pentadbiran bercorak Inggeris telah memberi impak yang besar dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu. Sebelum tertubuhnya Malayan Union, British telah memperkenalkan satu pemerintahan yang seterusnya telah merubah landskap sistem politik Melayu buat selama-lamanya. Pengenalan sistem residen oleh kerajaan British ini telah memberi suatu pembaharuan yang mana ianya memberi persaingan hebat kepada penguasaan politik dan ekonomi masyarakat tradisional tempatan pada ketika itu. Pentadbiran yang mengikut sistem residen ini bermula dengan perjanjian yang ditandatangani antara pihak British dan Sultan Perak yang dinamakan sebagai Perjanjian Pangkor pada 1874.<sup>28</sup> Dengan termeterainya perjanjian ini maka pemerintah negeri secara tidak langsung telah memberi kuasa kepada British dalam mencampuri urusan pentadbiran sesebuah negeri tersebut.

Susulan itu, pemerintahan bercorak residen telah meletakkan seorang Residen British dalam satu-satu negeri yang mengadakan perjanjian dengan pihak British.

---

<sup>26</sup> Catatan daripada J.D. de Silva, *British Relations with Pahang (1884-1885)* yang dipetik oleh Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*. hlm. 10.

<sup>27</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*, hlm. 17.

<sup>28</sup> Mohd. Rizal Yaakop, *Kontrak Sosial Perlembagaan Persekutuan 1957: Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*, Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, 2014, hlm. 21.

Seterusnya British akan mewujudkan undang-undang mereka dan juga mewujudkan corak hidup masyarakat yang lebih moden pada negeri tersebut.<sup>29</sup> Walau bagaimanapun, perubahan dari struktur sosioekonomi sebenarnya adalah berbeza mengikut negeri dan pemerintahan residen itu sendiri. Sebagai contoh di Perak, wakil British iaitu Hugh Low telah berjaya mengekalkan sistem feudal masyarakat tradisional Melayu yang mana para pembesar masih menjalankan hasil kutipan cukai dalam bentuk tunai, namun hasilnya mereka diberi gaji atau elauan yang mana terikat dengan peraturan yang dilaksanakan oleh pihak British.<sup>30</sup>

Namun di negeri Pahang, selepas sahaja Sultan Ahmad melantik J. P. Rodger sebagai Residen British pada tahun 1888, beliau telah menguruskan hal pentadbiran awam Pahang, beliau telah melakukan perubahan secara drastik terutamanya dari segi campur tangan beliau dalam amalan adat resam masyarakat Melayu Pahang.<sup>31</sup> Beliau yang ketika itu disokong oleh 15 orang pegawai Eropah telah membahagikan Pahang kepada enam daerah pada peringkat permulaannya. Setiap daerah diketuai oleh Pegawai Daerah yang berfungsi sebagai pemungut cukai dan majistret.<sup>32</sup> Mengikut perjanjian antara Sultan Pahang dengan pihak British, sultan dan para pembesar tempatan yang dilantik dalam Majlis Mesyuarat Negeri akan diberikan elauan tetap serta pihak British

---

<sup>29</sup> *Ibid.* hlm. 21.

<sup>30</sup> F. J. Moorhead, *A History of Malaya*, Longman of Malaya: Vol II, Kuala Lumpur, 1963, hlm. 180. Lotfi Ismail, *Sejarah Malaysia 1400-1963*, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, hlm. 33.

<sup>31</sup> Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*, hlm. 11.

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm. 10.

diberi kuasa dalam menguruskan hal-hal yang melibatkan pengutipan cukai dan pentadbiran awam.<sup>33</sup>

Tindakan British menghapuskan sistem perhambaan telah memberi kesan kepada golongan kaya yang mempunyai hamba kerana hamba di Pahang berfungsi untuk membantu melaksanakan pekerjaan. Keadaan semakin memuncak apabila, pihak British tidak memberi pampasan kepada tuan-tuan hamba selepas memerdekaan hamba mereka. Manakala, bekas-bekas hamba menghadapi masalah kerana mereka tidak mempunyai wang dan tempat tinggal selepas dimerdekaan serta terpaksa mencari pekerjaan di kawasan bandar yang jauh.

Selain itu, pihak pentadbiran British juga memperkenalkan sistem kerah yang mana ketua kawasan tidak dibenarkan melakukan kerah kecuali mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan. Sistem kerah ditentukan berdasarkan kepada aktiviti menebang kayu, membersih sungai, membina rumah, membaiki jalan dan menemani ketua mereka semasa dalam perjalanan. Jika mana-mana ketua mengingkari peraturan ini, mereka akan dikenakan denda sebanyak 25 ringgit atau tiga bulan penjara.<sup>34</sup> Pelaksanaan sistem pentadbiran British iaitu sistem residen ini telah menyebabkan negeri Pahang sebenarnya telah ditadbir sepenuhnya oleh pegawai-pegawai British.

Residen J.P. Rodger yang bertindak sebagai teraju utama telah menyusun dan menyelaraskan semua hal-hal negeri bila mana ia diletakkan di bawah satu pentadbiran yang berpusat di daerah Pekan. Walau bagaimanapun, tiga tahun kemudiannya iaitu

---

<sup>33</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, Peribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan di Malaysia, *Malaysia dari segi Sejarah*, 1995, hlm. 20

<sup>34</sup> *Ibid.*, hlm. 21.

pada tahun 1891, pusat pentadbiran telah dipindahkan dari Pekan ke daerah Lipis.<sup>35</sup> Di bawah kuasa pentadbiran British, J.P. Rodger juga telah melantik dan membawa masuk pegawai-pegawai British yang profesional untuk membantu beliau dalam melancarkan urusan pentadbiran negeri Pahang seperti jurutera, juruukur, polis dan lain-lain lagi.

Pada tahun 1889, J.P. Rodger telah memperkenalkan Peraturan Perlombongan.<sup>36</sup> Peaturan Perlombongan ini memberikan hak dan kuasa kepada kerajaan negeri Pahang untuk mengambil alih tanah-tanah lombong yang tidak diusahakan oleh mana-mana syarikat perlombongan. Namun peraturan ini tidak menguntungkan kerajaan negeri kerana kebanyakan syarikat yang melabur untuk melombong di Pahang bersaiz kecil. Antara faktornya ialah mereka tidak mampu untuk mengatasi masalah infrastruktur kawasan perlombongan. Hanya beberapa syarikat perlombongan Eropah direkodkan berminat mengusahakan perlombongan emas di Pahang, antaranya adalah syarikat yang beroperasi di daerah Raub, Penjom dan Selinsing. Manakala bakinya adalah syarikat yang mengusahakan telerang di Sungai Lembing.<sup>37</sup> Namun usaha British untuk menambah bilangan pelabur tidak berjaya kerana dana kerajaan Pahang yang terhad dan kekurangan kemahiran ekonomi.<sup>38</sup>

Pemangku Residen Pahang, D.H. Wise menyatakan bahawa dalam Laporan Tahunan Pahang 1895, kelembapan perkembangan politik dan ekonomi di Pahang adalah disebabkan oleh penduduk tempatan yang masih tidak dapat menerima sistem

---

<sup>35</sup> Abd Jalil Borham, *Jejak Warisan Pahang Pencetus Tamadun Pembangunan Modal Insan Holistik*, Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana Mengingati Sejarah Ke Arah Kecemerlangan Masa Depan, Univesiti Malaysia Pahang pada 24 September 2010, hlm. 6.

<sup>36</sup> Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*, hlm. 15.

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> *Pahang Annual Report*, 1895, hlm. 70.

residen British yang dianggap mengongkong cara hidup mereka dan sebahagian peraturan yang dikenakan oleh pegawai-pegawai British ini adalah tidak sesuai dengan amalan kehidupan mereka.<sup>39</sup> Sikap pentadbiran British yang mengamalkan dasar ‘pecah dan perintah’,<sup>40</sup> menyebabkan orang Melayu terutamanya tidak dapat ikut serta dalam perkembangan ekonomi di Pahang.<sup>41</sup>

Pihak pentadbir British hanya memberi perhatian apabila sesuatu permintaan bahan itu meningkat. Hal ini dapat dilihat apabila permintaan terhadap bahan makanan iaitu padi mula meningkat yang mana disebabkan oleh kepesatan jumlah penduduk di dalam negeri Pahang itu sendiri. Maka dengan itu, pegawai Daerah British di Kuantan dan Pekan telah menggalakkan kedatangan dan kemasukan orang-orang Melayu dari luar negeri Pahang terutamanya mereka yang berkemahiran dalam tanaman padi sawah, bagi memajukan kegiatan pertanian di negeri Pahang. Masyarakat tempatan pula memilih untuk melaksanakan aktiviti ekonomi seperti menanam padi kering dan mencari hasil hutan.<sup>42</sup> Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya penduduk tempatan di kawasan pedalaman rata-ratanya tidak mengalami sebarang perkembangan dalam sosio-ekonomi hasil daripada pengenalan sistem residen di Pahang.

Kita dapat melihat bahawa pengenalan kepada sistem residen sebenarnya tidak banyak membantu dan mengubah kehidupan masyarakat Melayu Pahang dalam

---

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Dasar pecah dan perintah ialah suatu sistem masyarakat yang dilaksanakan oleh kerajaan British dengan mengelompokkan masyarakat di kawasan yang berbeza berdasarkan pekerjaan. Kaum Melayu ditempatkan di kawasan kampung dan pinggir sungai bagi ekonomi pertanian, kaum Cina pula ditempatkan di kawasan maju seperti di bandar bagi melaksanakan aktiviti perdagangan dan perlombongan manakala kaum India ditempatkan di kawasan estet.

<sup>41</sup> Fadilah Zaini dan Kassim Thukiman, Bab 6: Pembangunan Politik Dalam Hubungan Etnik, dalam *Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*, 2009, hlm. 115.

<sup>42</sup> Mohd bin Samsudin, *Masyarakat Melayu Pahang Dari Pandangan Pegawai-pegawai British Di Abad Ke 18-19*, hlm. 16.

mengcapai peningkatan taraf hidup sosial. Pengenalan kepada sistem residen ini telah menimbulkan semangat nasionalis dalam kalangan penduduk tempatan di Pahang selepas itu yang mana pada peringkat seterusnya ini penduduk tempatan terutamanya kaum Melayu mulai sedar matlamat sebenar pihak British apabila mencampuri urusan agama dan adat resam Melayu di negeri mereka.

Pengenalan sistem residen oleh pihak British di Tanah Melayu telah memberikan kesan kepada struktur politik dan sosio-ekonomi masyarakat tradisional tempatan. Kehadiran residen di negeri-negeri yang mereka kuasai adalah bertujuan untuk mempengaruhi rakyat tempatan untuk menerima cara mereka menjalankan pemerintahan mengikut dasar British. Ini dapat dilihat bila mana setiap perkara yang ingin dilaksanakan di peringkat negeri perlu mendapat persetujuan daripada Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS) dan Pejabat Tanah Jajahan di London.<sup>43</sup>

Penguasaan residen di Tanah Melayu telah menafikan kuasa raja atau sultan yang memerintah negeri tersebut, menyebabkan pelbagai perubahan yang dikatakan tidak sesuai dengan amalan dan adat resam masyarakat tempatan mula dibawa masuk dalam masyarakat Melayu. Hal ini juga dapat dibuktikan sendiri dengan sikap pegawai British di Perak iaitu J.W.W. Birch.

Beliau yang menjadi residen di kawasan tersebut bertindak sesuka hati apabila memperkenalkan dasar-dasar British tanpa mempedulikan kuasa Sultan Abdullah yang memerintah Perak ketika itu.<sup>44</sup> Keadaan ini telah menyebabkan kuasa raja atau sultan semakin luntur dan hanya dianggap sebagai boneka oleh pihak British. Hal ini juga

---

<sup>43</sup> Mohd Janib Johari, *Sejarah Malaysia Modern*, Media Intelek Sdn. Bhd, Petaling Jaya, 1985, hlm. 45.

<sup>44</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, Tentangan Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874-1875, *Malaysia dari segi Sejarah*, No. 10, 1981, hlm. 103-116.

hampir sama dengan apa yang berlaku di negeri Pahang. Sikap dan amalan British yang banyak bertentangan dengan amalan masyarakat tempatan seperti sistem hamba dan hak memungut cukai menyebabkan mereka mula melancarkan gerakan penentangan bagi mengusir penjajah ini dari bumi mereka.

Campur tangan serta perubahan yang dilakukan oleh pihak British dalam urusan pentadbiran Pahang akhirnya menyebabkan para pembesar Pahang mula menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap peraturan-peraturan baru yang dilaksanakan dan dikenakan oleh pihak British. Bermulanya, pengenalan kepada sistem cukai tanah yang mana memberi keuntungan kepada pihak British apabila rakyat tempatan diminta membayar cukai tanah mengikut ekar pada setiap tahun. Mana-mana tanah kampung, tanah paya, tanah dusun buah-buahan dan tanah nipah telah dikenakan cukai sebanyak 40 sen setahun bagi setiap ekar. Manakala bagi tanah ladang dan tanah tenggala dikenakan 20 sen seekar dalam setahun.<sup>45</sup> Keadaan semakin memuncak apabila para pembesar tidak dibenarkan mengutip cukai di kawasan masing-masing.

Peranan pembesar Pahang pula mulai terhakis apabila tugas mereka telah diambil alih oleh Pemungut Cukai dan Majistret. Sebagai ganti kehilangan kuasa mereka, para pembesar Pahang ini telah diberikan elauan oleh pihak British. Para pembesar Pahang seperti Tok Gajah, Temenggung, Shahbandar, Maharaja Perba Jelai, Orang Kaya Chenor dan Orang Kaya Temerloh ditawarkan elauan sebanyak 1, 200 ringgit setahun. Manakala Dato' Bahaman ditawarkan 840 ringgit setahun.<sup>46</sup> Penawaran elauan oleh kerajaan British

---

<sup>45</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, Peribumi dan Penjajah: Gerakan tentangan di Malaysia, *Malaysia dari segi Sejarah*, 1995, hlm. 21.

<sup>46</sup> W. Linehan, *A History of Pahang*, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 133. Aruna Gopinath, *Pahang 1883-1933: A Political History*, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 118.

kepada para pembesar telah ditentang oleh mereka dan berpendapat keputusan yang dikemukakan dalam Majlis Mesyuarat Negeri adalah disifatkan sebagai “Majlis Tuan Rodger”.<sup>47</sup> J.P. Rodger bagaimanapun, memberi amaran kepada mana-mana pembesar yang tidak patuh kepada keputusan Majlis Mesyuarat Negeri, tindakan undang-undang akan dikenakan.

Namun begitu, amaran ini tidak diendahkan oleh para pembesar terutamanya Dato’ Bahaman. Pada ketika inilah, penentangan terhadap British mula dilakukan secara terang-terangan apabila gerakan ini telah diketuai oleh Dato’ Bahaman. Kemarahan Dato’ Bahaman terhadap British bermula apabila pegawai-pegawai British telah dihantar ke tempat beliau iaitu di Semantan dalam daerah Temerloh.<sup>48</sup> Pihak British telah mendirikan balai polis dan menjalankan undang-undang mereka tanpa melakukan sebarang perundingan dengan beliau.

Beliau dengan beraninya telah membantah pembinaan polis tersebut dan mencaci pegawai-pegawai majistret British di situ. Perbuatan Dato’ Bahaman yang dianggap biadap oleh British itu telah menimbulkan kemarahan mereka yang seterusnya mengambil peluang supaya Sultan Ahmad mengambil tindakan keras di atas perbuatan Dato’ Bahaman tersebut. Akibat desakan daripada pihak British tersebut, akhirnya baginda bersetuju melucutkan gelaran Orang Kaya Semantan daripada Dato’ Bahaman.<sup>49</sup>

Keadaan ini tidak memberi sebarang kesan kepada Dato’ Bahaman kerana beliau terus-menerus menentang apa-apa sahaja tindakan yang dilaksanakan oleh British di

---

<sup>47</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Peribumi dan Penjajah: Gerakan tentangan di Malaysia, Malaysia dari segi Sejarah*, 1995, hlm. 20.

<sup>48</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*, hlm. 18.

<sup>49</sup> *Ibid.*, hlm. 18.

Pahang. Beliau memberitahu kepada pegawai British bahawa beliau tidak akan mengikut sebarang peraturan yang dilaksanakan oleh pihak British terhadap masyarakat tempatan dan tidak takut dengan ugutan yang diterima. Dato' Bahaman terus memungut cukai di kawasan beliau dan membenarkan penduduk tempatan memungut hasil hutan. Dengan hal demikian, pegawai British, C.E.B Desborough telah bertindak menahan tiga orang pengikut Dato' Bahaman ketika mereka cuba memungut hasil hutan tanpa kebenaran kerajaan.<sup>50</sup>

Pada mulanya, Dato' Bahaman meminta C.E.B Desborough supaya membebaskan tiga orang pengikutnya, namun permintaan beliau tersebut telah ditolak yang menyebabkan beliau melancarkan serangan ke atas rombongan Desborough pada ketika itu. Tindakan Dato' Bahaman tersebut telah menaikkan semangat orang Melayu untuk melakukan penentangan secara besar-besaran terhadap pemerintahan British. Maka pada tahun 1891-1895, para pengikut Dato' Bahaman telah melancarkan serangan ke atas British yang mana direkodkan sebanyak 600 orang Melayu dan 100 orang Asli yang membantu menggerakkan serangan ini.<sup>51</sup>

Disebabkan oleh ketiadaan kelengkapan senjata moden, mereka telah dikalahkan oleh pihak British. Pada ketika itu, ramai pengikut Dato' Bahaman telah menyerah diri dan mendapat pengampunan daripada sultan.<sup>52</sup> Namun, pihak British masih tidak berpuas hati kerana Dato' Bahaman, Mat Kilau, Tok Gajah dan lain-lain tidak menyerah diri. Hal ini adalah kerana, disebabkan sentimen yang diperjuangkan mereka sebenarnya telah menaikkan semangat perjuangan penduduk tempatan menentang British. Oleh

---

<sup>50</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, Peribumi dan Penjajah: Gerakan tentangan di Malaysia, *Malaysia dari segi Sejarah*, 1995, hlm. 21.

<sup>51</sup> *Ibid.*, hlm. 21.

<sup>52</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*, hlm. 21.

sebab tidak mahu menyerah diri kepada pihak British, Dato' Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah telah berundur ke Kelantan dan Terengganu.<sup>53</sup>

Di Terengganu, Tokku Paloh atau Sayyid Abdul Rahman Al-Idrus telah menanamkan semangat dalam diri Dato' Bahaman dan pengikutnya untuk kembali menentang British.<sup>54</sup> Oleh itu, pada tahun 1894 Dato' Bahaman bersama pejuang-pejuang Pahang telah melancarkan serangan ke atas Kuala Tembeling dan berjaya menawan kubu Jeram Ampai pada tahun tersebut.<sup>55</sup> Walau bagaimanapun, kejayaan tersebut tidak berkekalan kerana sekali lagi British berjaya mengundurkan mereka ke Kelantan dan Terengganu. Hugh Clifford yang tidak berputus asa untuk menangkap Dato' Bahaman dan pengikut yang dikatakan “pemberontak” telah meminta kerjasama daripada penduduk dan Sultan Kelantan serta Terengganu.<sup>56</sup>

Namun, usaha beliau gagal kerana tidak mendapat kerjasama daripada mereka. Oleh hal demikian, Hugh Clifford telah meminta bantuan daripada kerajaan Siam bagi menghantar pahlawannya untuk menangkap Dato' Bahaman dan pengikutnya. Kerajaan Siam telah menghantar dua orang pegawaiannya iaitu Luang Visudh dan Luang Swat untuk mengetuai angkatan Siam ke Terengganu.<sup>57</sup> Akhirnya, pada tahun 1895, Dato' Bahaman, Awang Nong, Mat Lela, Teh Ibrahim, Hj. Mat Wahid dan Pak Lang Yusoh telah ditangkap dan di bawa ke negeri Siam.<sup>58</sup> Demikian, berakhirnya penentangan elit

---

<sup>53</sup> *Ibid.*, hlm. 22.

<sup>54</sup> Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895*, 1972, PAP, hlm. 216-221; 261-263.

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> Zurina Ismail, *Pahang Darul Makmur*, hlm. 22.

<sup>57</sup> *Ibid.*, hlm. 21.

<sup>58</sup> *Ibid.*

Melayu Pahang terhadap British di abad yang ke-19. Sejak itu tidak ada lagi penentangan yang berbangkit.

Pada era 1900-an sehingga 1930-an pula, perjalanan politik Melayu Pahang telah memperlihatkan perkembangannya dari segi pergerakan-pergerakan idealogi oleh para cendekiawan Melayu yang mendapat pendidikan dalam dan luar negeri. Dalam era ini juga politik Melayu Pahang telah melahirkan tokoh-tokoh politik yang terkenal dengan perjuangan mereka dan menjadi teladan kepada masyarakat sehingga ke hari ini. Semangat yang ditunjukkan oleh Ibrahim Hj. Yaakub, Ishak Hj. Mohamed<sup>59</sup>, Tun Abdul Razak dan Abdul Rahman Talib tidak dapat dinafikan telah memberi kesan dalam sejarah politik negeri Pahang. Usaha mereka dalam memenuhi konsep nasionalisme untuk mendaulatkan negara<sup>60</sup> melalui persatuan mahupun penulisan yang mana menjelaskan semangat dan fungsi kebebasan pentadbiran sendiri demi kemerdekaan dan hak-hak rakyat.

Perjalanan politik Melayu semakin dilihat mengalami transformasi positif bila mana pergerakan politik Melayu Pahang lebih terorganisasi dan lebih tersusun. Kebangkitan semangat nasionalisme dalam kalangan kaum Melayu bagi menghadapi tuntutan golongan bukan Melayu dan penguasaan British dalam sistem politik di Tanah Melayu akhirnya, telah menimbulkan desakan dalam menuntut pihak British memperbaiki kedudukan dan hak-hak orang Melayu. Tuntutan para pemimpin Melayu untuk menjalankan proses Pilihanraya Bandaran 1955 merupakan titik mula dan

---

<sup>59</sup> Norazit Selat, *Pahang Dahulu Dan Sekarang*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 69.

<sup>60</sup> R.Suntharalingam, Konsep Nasionalisme: Ke Arah Satu Takrif, dalam R.Suntharalingam dan Abdul Rahman Hj. Ismail (ed.), *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985, hlm. 4.

memberi peluang kepada pelbagai bentuk pertubuhan dalam menyuarakan hak dan suara disamping menuntut pemerintahan berkerajaan sendiri.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Kajian mengenai politik Melayu sememangnya antara kajian yang popular dan juga banyak dikaji oleh para ilmuwan atau pengkaji sejarah politik dalam menyediakan bahan ilmiah yang berguna kepada para pembaca yang mahu mengetahui asal-usul arena politik negara. Walau bagaimanapun, dari sudut politik kenegerian terutamanya kajian politik Melayu dilihat masih kurang yang mana kebanyakannya lebih menjurus ke arah peringkat nasional sahaja. Bagi kajian politik Melayu negeri Pahang, kajian-kajian sebelum ini hanya lebih berfokus kepada perkembangan politik sebelum merdeka sebagaimana penulisan oleh Aruna Gopinath yang bertajuk *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*.

Kekurangan kajian dan maklumat mengenai perjalanan politik Melayu Pahang terutamanya bermula dari tahun 1955 sehingga 1984 telah memberi idea kepada proses penulisan ini. Kekurangan kajian yang khusus dan terperinci telah memberi masalah terutamanya dalam proses pengumpulan data dan maklumat, sedangkan kajian tentang corak politik adalah penting sebagai panduan dalam kestabilan pemerintahan kini. Melalui kajian ini pelbagai persoalan yang telah ditimbulkan berdasarkan kepada aspek bagaimana parti-parti politik mengalami pertumbuhan di Pahang, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka dalam memimpin Pahang ke arah agenda dan perjuangan politik masing-masing serta kajian akan menyentuh konflik dan kesan terhadap corak

pemerintahan dan politik orang Melayu di Pahang yang kurang dikaji oleh para pengkaji sebelum ini.

Di samping itu, kewajaran memilih Pahang sebagai projek kajian politik Melayu adalah kerana keadaan dan percaturan politik yang dilihat mempunyai keunikannya tersendiri. Kedudukan bahan-bahan atau sumber yang terhad dan pengurusan akses yang ketat menyukarkan para penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan terperinci. Kedudukan kukuh parti politik Melayu UMNO dalam meneruskan legasi pemerintahan di Pahang telah merasakan bahawa kajian terperinci perlu dibuat. Walau bagaimanapun, parti politik Melayu lain seperti PAS dan Parti Barisan Sosialis pada era selepas merdeka merupakan antara parti yang memberi persaingan sengit kepada UMNO dalam arena politik Melayu Pahang. Keterbukaan minda dan kepercayaan orang-orang Melayu dalam memberi sokongan terhadap satu-satu parti politik dilihat memberi sumbangan dari segi politik, ekonomi dan sosial negeri tersebut.

### **1.3 Objektif Kajian**

Menyedari kekurangan kajian yang disebut di awal tadi, pengkaji mengambil pendekatan untuk tidak membiarkan kekurangan ini dengan matlamat agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada pembangunan ilmiah negara. Objektif pertama kajian ini adalah menganalisa kemunculan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat Melayu di Pahang sehingga tamatnya Perang Dunia Kedua. Kajian ini membincangkan kemunculan kesedaran politik telah membawa kepada pembentukan gerakan-gerakan

berkumpulan yang mewakili hak serta perjuangan orang Melayu terhadap penguasaan kuasa asing seperti British dan Jepun di negeri Pahang.

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenal pasti corak pemerintahan dan politik Melayu di negeri Pahang dari tahun 1955 hingga 1984. Kajian ini akan mengupas lebih mendalam mengenai aliran politik Melayu yang dilihat terbahagi kepada dua aliran iaitu aliran berhaluan kanan dan berhaluan kiri pada fasa sebelum merdeka. Fasa selepas merdeka pula dilihat aliran politik mula berubah kepada aliran nasional dan aliran islamis.

Objektif ketiga adalah untuk menjelaskan tentang perkembangan politik Melayu di Pahang yang merangkumi perkembangan dari sudut pilihanraya di peringkat negeri dan juga di peringkat nasional. Kajian ini membincangkan sejauhmana proses pilihanraya yang diadakan tersebut dapat memberi sumbangan kepada masyarakat di negeri Pahang dan kesannya khusus, kepada pergerakan politik Melayu di Pahang. Ianya dapat dilihat melalui keberkesanan strategi dan usaha yang telah dilaksanakan oleh parti-parti politik Melayu dalam membawa pergerakan politik mereka dalam komposisi masyarakat Melayu di negeri Pahang.

#### **1.4 Skop Kajian**

Skop kajian pengkaji ini bermula dari tahun 1955 iaitu pilihanraya pertama bagi Tanah Melayu dan akhirnya membawa kepada kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 sehingga tahun 1984. Kajian ini akan menyorot kembali bagaimana perjuangan para tokoh politik dalam menuntut kebebasan mutlak daripada pihak penjajah yang